

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN
DEC-MEI 2006

Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang disediakan
oleh :

ERNA NORSYITA BINTI MOHD JIZAN
2002286598

Bertajuk

LAPORAN
CADANGAN MEREKABENTUK DALAMAN
RESTORAN KASHMIR ISLAND DI PERSIARAN GREENTOWN 3,
IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi
Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia : EN. AZIZAN BIN NOR

Koordinator : CIK MAWAR BINTI MASRI

Ketua Program : PROF. MADYA RUSNI BIN ABD GHANI

11



KASHMIR ISLAND RESTAURANT

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t syukur alhamdulillah kerana dengan limpah kurnianya dapat juga saya menyempurnakan laporan Projek Tahun Akhir saya ini iaitu Cadangan Rekabentuk Restoran Island Kashmir di Greentown Business Centre, Ipoh untuk tetuan Kashmir Island Restaurant bagi kursus Diploma Rekabentuk Dalaman sesi Dec-Mei 2006 dengan jayanya.

Dengan terlaksananya laporan projek kajian ini adalah merupakan sebahagian daripada kerjasama yang telah diberikan oleh pihak-pihak yang tertentu. Penyelidikan dan penyediaan laporan projek ini kebanyakannya adalah diperolehi daripada bahan rujukan kajiselidik dan temubual saya dengan pihak-pihak berkenaan.

Di sini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang banyak memberi dorongan serta galakan kepada saya untuk menyiapkan laporan ini. Walaupun pada mulanya saya mengalami sedikit masalah namun semua itu dapat di atasi melalui perbincangan bersama penyelia dan koordinator subjek. Sebelum itu, terima kasih kepada kedua ibu bapa yang banyak membantu darisegi kewangan, mental dan fizikal. Turut serta rakan-rakan dan pensyarah-pensyarah yang banyak membantu. Terutamanya, kepada Cik Mawar Bt



KASHMIR ISLAND RESTAURANT

ABSTRAK

Kajian akhir ini dilakukan adalah untuk mewujudkan sebuah restoran makanan masyarakat India Utara khususnya di Kashmir. Restoran ini di wujudkan supaya masyarakat Malaysia dapat mengenali serta mendekati dunia luar dan tidak hanya memandang pada makanan di sebelah Eropah, China, Jepun, Arab, dan Melayu sahaja.

Antar kajian yang telah di lakukan termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian, kajian kes dan kajian dengan membuat soal selidik. Tujuannya adalah untuk mengkaji kelemahan dan kelebihan yang terdapat didalam rangkaian restoran masa kini.

Kajian-kajian dan pengumpulan data ini akan diterapkan di dalam proses merekabentuk untuk mendapatkan rekabentuk yang selesa dan menarik di samping mewujudkan imej dan gaya yang tersendiri.

Antara masalah yang terdapat sepanjang menjalankan projek ini ialah untuk menerapkan konsep "*ANTIQUÉ AND TRADITION*". Ia bertujuan untuk menerapkan unsur – unsur tradisional yang masih wujud melalui tarian, muzik, dan seni kraftangan yang terdapat di India utara terutamanya Kashmir sebuah negeri yang



KASHMIR ISLAND RESTAURANT

ISI KANDUNGAN		MUKA SURAT	
BAB	1.0	PENGENALAN	1
	1.1	PENGENALAN KAJIAN	2 - 7
	1.2	KLIEN	8 - 13
BAB	2.0	PROJEK	
	2.1	PENGENALAN PROJEK	14 - 23
	2.2	KAJIAN KES	24 - 42
	2.3	TAPAK CADANGAN	43 - 44
	2.4	ANALISA TAPAK	45 - 54
	2.5	ANALISA BANGUNAN	55 - 63
	2.6	RUMUSAN PENEMUAN	64 - 65
BAB	3.0	CADANGAN REKABENTUK	66
	3.1	OBJEKTIF REKABENTUK	67
	3.2	KONSEP REKABENTUK	68 - 73
	3.3	PERANCANGAN RUANG	74 - 77
	3.4	SISTEM PENCAHAYAAN DAN PENDAWAIAN ELEKTRIK	78
	3.5	SISTEM PENGUDARAAN	78 - 79
BAB	4.0	KESIMPULAN	80
	4.1	PELAN CADANGAN	81
	4.2	PELAN ATURSUSUN CADANGAN	82
	4.3	LUKISAN CADANGAN FASAD/PANDANGAN SISI	83 - 86
	4.4	LUKISAN CADANGAN PERSPEKTIF RUANG-RUANG DALAMAN	87 - 90
	4.5	RUMUSAN DAN CADANGAN	91
SENARAI RUJUKAN			92
LAMPIRAN			93 - 105



KASHMIR ISLAND RESTAURANT

BAB SATU

1.0 - PENGENALAN

Cadangan merekabentuk dalaman di lot no. C-01-04, Tingkat Bawah, No. 2, Persiaran Greentown 3, Pusat Dagangan Greentown, 30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan untuk tetuan Kashmir Island Restaurant.

Ia di wujudkan adalah untuk memperluaskan perniagaan yang banyak saingan dari pelbagai jenis restoran yang tumbuh ibarat cendawan selepas hujan pada masa kini. Selain itu, melalui penubuhan restoran ini dapat membangkitkan lagi keharmonian kaum di Malaysia di mana restoran ini menerapkan ciri – ciri kaum India yang tidak banyak bezanya dengan masyarakat setempat. Cuma adat mereka berbeza mengikut kawasan samada bahagian utara, selatan, timur, mahupun barat. Secara tidak langsung kita dapat mempelbagaikan lagi kefahaman terhadap sesebuah negara dan budayanya.

Bagi merealisasikan, rekabentuk restoran ini saya mementingkan rekabentuk yang menerapkan pengaruh seni bina Moorish dan menampilkan corak kehidupan masyarakat India utara, dari segi pemakanan serta kebudayaan. Hal ini adalah untuk melengkapkan lagi rekabentuk yang ingin di tonjolkan. Malah, ia akan memberi banyak pengetahuan kepada setiap pengunjung tidak mengira peringkat umur.